


1 Apakah kelebihan perniagaan milikan tunggal?

- A Perniagaan kekal berterusan
- B Keputusan adalah hak pemilik
- C Cukai keuntungan dikecualikan
- D Pemilik menanggung liabiliti terhad

2 Apakah kelebihan Syarikat Sendirian Berhad?

- A Pemegang saham menanggung liabiliti tidak terhad
- B Modal diperolehi dengan menerbitkan syer
- C Hal ehwal syarikat diketahui orang ramai
- D Syer boleh dipindah milik secara bebas

3 Rajah 1 menunjukkan sejenis perniagaan perkongsian.



Rajah 1

Apakah Q ?

- A Menjaga kepentingan rakan kongsi lain
- B Mencari sumber tambahan bagi memajukan perniagaan
- C Pemilik dan perniagaan merupakan dua pihak yang berbeza
- D Aset peribadi rakan kongsi dilindungi jika perniagaan muflis atau bankrup

4 Antara yang berikut, yang manakah menerangkan ciri-ciri koperasi?

- I Ahli mempunyai kepentingan yang sama
- II Setiap anggota berhak membuat keputusan
- III Anggota koperasi menanggung liabiliti tidak terhad
- IV Modal perniagaan disumbangkan oleh syarikat korporat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5 Mengapakah perniagaan bersaiz kecil lebih fleksibel berbanding perniagaan besar?


- A Risiko perniagaan lebih rendah
- B Mendapat pekerja yang berkemahiran
- C Proses membuat keputusan lebih mudah
- D Pekerja membantu membuat perubahan dengan cepat

6 Antara yang berikut, yang manakah punca berlakunya inflasi?

- I Peningkatan tinggi permintaan berbanding penawaran barang
- II Peningkatan tinggi penawaran berbanding permintaan barang
- III Penduduk meramalkan kejatuhan harga barang dan perkhidmatan
- IV Kenaikan kos pengeluaran barang dan perkhidmatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7 Manakah agensi berikut yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D)?



8 Apakah faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi persekitaran perniagaan?

	Faktor Dalaman	Faktor Luaran
A	Sumber manusia	Politik
B	Ekologi	Pemasaran
C	Ekonomi	Undang – undang
D	Kewangan	Gaya Pengurusan


9 Maklumat berikut berkaitan dengan objektif sebuah syarikat.

Perusahaan Keropok Maju telah beroperasi 2 tahun di Tumpat. Syarikat ingin meningkatkan 40% jualan dalam masa setahun.

Apakah ciri-ciri objektif bagi syarikat tersebut?

- A Spesifik
- B Munasabah
- C Boleh dicapai
- D Boleh diukur

- 10 Apakah kegunaan titik pulang modal dalam penetapan objektif organisasi perniagaan?
- A Meramalkan keuntungan yang dicapai dalam tempoh setahun
 - B Menentukan kuantiti pengeluaran bagi menghasilkan keuntungan dan kerugian
 - C Mengelakkan berlaku kerugian dalam perniagaan
 - D Mengira kos berubah seunit yang terlibat
- 11 Rajah 2 menunjukkan carta berkaitan sebuah perniagaan.



Rajah 2

Apakah gambaran yang terdapat dalam carta di atas?

- I Pembahagian kerja
 - II Hubungan antara ketua dengan pekerja
 - III Hubungan peniaga dengan pelanggan
 - IV Memudahkan pembayaran gaji
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

12 Gambar 1 menunjukkan dua bentuk perniagaan.



Gambar 1

Mengapakah perniagaan A mempunyai bahagian fungsian yang lebih banyak berbanding dengan perniagaan B?

- A Menyediakan pelbagai kemudahan untuk pelanggan
- B Mempunyai staf yang ramai serta pengurusan yang rumit
- C Menjalankan urus niaga secara kredit
- D Menjual pelbagai jenis barang

13 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan satu bahagian fungsian.

- Memeriksa semua tempahan
- Memenuhi kekurangan bekalan yang berlaku
- Berkait rapat dengan bahagian fungsian pengeluaran dan jualan

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Pengagihan
- B Khidmat pelanggan
- C Penyelidikan dan pembangunan
- D Teknologi maklumat dan komunikasi


14 Apakah tujuan bahagian fungsian penyelidikan dan pembangunan diwujudkan dalam sesebuah organisasi perniagaan?

- A Menghasilkan produk berkualiti dengan kos efektif
- B Memudahkan pelanggan mendapat perkhidmatan yang baik
- C Memastikan organisasi mempunyai sumber manusia yang mencukupi
- D Memudahkan staf berkomunikasi serta menyimpan data dan maklumat

15 Apakah maksud penjanaan idea dalam aktiviti pembangunan produk baharu?

- A Menghasilkan produk yang berpotensi
- B Mereka bentuk produk
- C Proses membuat keputusan
- D Proses memenuhi keperluan pasaran

16 Maklumat berikut berkaitan dengan aspek pengelolaan sumber manusia.



Apakah tujuan X?

- A Menempatkan pekerja
- B Mengekalkan kesetiaan pekerja
- C Memelihara keselamatan pekerja
- D Meningkatkan motivasi pekerja


- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan faedah dalam sistem penggajian.

Penghargaan yang dibayar secara tunai kepada pekerja pada akhir tempoh tertentu berdasarkan prestasi perniagaan.

Apakah jenis faedah tersebut?

- A Caruman perkeso
- B Elaun lebih masa
- C Bonus tunai
- D Komisen

- 18 Gambar 2 menunjukkan sumber fizikal sebuah perniagaan.



Gambar 2

Bagaimanakah Perniagaan Cemerlang Jaya Enterprise dapat menguruskan sumber sumber fizikal di atas ?

- I Memastikan sumber digantikan setiap tahun
 - II Mendaftarkan dengan MyIPO
 - III Mendapatkan perlindungan insurans
 - IV Melakukan penyelenggaraan secara berkala
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



19 Cara yang betul untuk mengurus paten di Malaysia ialah

- A Mendaftar dengan SSM
- B Mendaftar dengan MyIPO
- C Mendaftar dengan MATRADE
- D Mendaftar dengan Majlis Kerajaan Tempatan

20 Apakah kelebihan pinjaman melalui agensi kerajaan berbanding pinjaman bank?

- A Cagaran dalam apa jua bentuk
- B Jumlah pinjaman yang kecil
- C Tidak dikenakan faedah
- D Tiada syarat pinjaman

21 Pasangan manakah yang betul?

	Jenis Sumber Pembiayaan	Huraian
A	Syer	Diberikan kepada usahawan untuk memulakan perniagaan
B	Overdraf	Bahagian dalam modal perniagaan atau saham
C	Sewa beli	Menyewa aset dengan tujuan membeli
D	Modal Permulaan	Kemudahan kredit untuk pemegang akaun semasa

22 Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan.

Puan Hayfa mempunyai barang kemas yang dijadikan cagaran untuk menambah modal perniagaan.

- A Pemfaktoran
- B Pajakan
- C Overdraf
- D Ar-Rahnu

23 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelebihan memperoleh jentera melalui skim pajakan?

- I Dapat menjana pendapatan
- II Dimiliki selepas tamat tempoh pajakan
- III Jentera yang rosak akan dibaiki oleh penyewa
- IV Dapat menggunakan mesin tanpa mengeluarkan modal yang tinggi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Apakah kelebihan sumber pembiayaan dalaman kepada sesebuah perniagaan?

- A Mengurangkan kawalan peminjam
- B Menambah liabiliti jangka panjang
- C Mudah mendapat pinjaman bank
- D Tidak perlu membayar faedah

25 Apakah peranan syarikat pemfaktoran?

- A Mengutip hutang bagi pihak peniaga daripada pelanggan mereka
- B Menyewa aset tetap daripada institusi kewangan atau bank
- C Memberikan pinjaman kewangan kepada syarikat awam
- D Memberikan kemudahan overdraf kepada pelanggan

26 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kos berubah?

- I Sewa bangunan
- II Bahan mentah
- III Upah pekerja
- IV Insurans

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan Kunci Kira-kira Syarikat Halimi Auto Resources Sendirian Berhad.

	RM
Modal awal	160 000
Untung Bersih	82 000
Ambilan	670
Pinjaman bank	60 000
Pemiutang	18 800

Berapakah ekuiti pemilik?

- A RM 220 000
 - B RM 241 330
 - C RM 242 000
 - D RM 242 670
- 28 Situasi manakah merupakan contoh ambilan oleh pemilik perniagaan?
- A Memperoleh stok untuk kegunaan keluarga
 - B Menerima stok untuk memenuhi pesanan
 - C Memperoleh bekalan daripada pembekal
 - D Menerima barang daripada pengeluar

29 Rajah 3 berkaitan dengan analisis nisbah kecekapan.



Rajah 3

Pernyataan yang manakah berkaitan dengan **Z**?

- A Mengukur kecekapan membayar pinjaman jangka pendek
- B Menunjukkan kecekapan pengurusan operasi
- C Menunjukkan kecekapan pengurusan aset
- D Mengukur kecekapan mengawal harga jualan

30 Apakah kelebihan kerjaya usahawan kepada masyarakat?

- A Mewariskan perniagaan kepada generasi lain
- B Menawarkan pelbagai jenis produk
- C Mewujudkan kerjasama serantau
- D Membentuk keperibadian yang positif

31 Apakah contoh stok bergerak pantas?

- A Perabot
- B Motosikal
- C Barang kemas
- D Minyak masak

32 Antara yang berikut, yang manakah merupakan keberuntungan perniagaan kepada usahawan?

- I Menyediakan peluang pekerjaan
- II Melaksanakan tanggungjawab sosial
- III Meningkatkan imej perniagaan
- IV Mempelbagaikan produk

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33 Apakah kelebihan usahawan yang menjalankan perniagaan berdasarkan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?

- A Penubuhan perniagaan mudah
- B Entiti perniagaan berasingan
- C Hayat perniagaan berterusan
- D Liabiliti perniagaan terhad

34 Maklumat berikut adalah nama perniagaan yang didaftarkan oleh Puan Damia.

Busana Indah Damia

Berapakah jumlah bayaran pendaftaran yang dikenakan?

- A RM 30
- B RM 60
- C RM 90
- D RM 120

35 Apakah dokumen yang terlibat dalam rekod ambilan?

- A Invois
- B Slip daftar tunai
- C Baucar pembayaran
- D Memo

36 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu urusan niaga.

Puan Maizatul membuat belian barang niaga sebanyak RM 8 000 secara kredit daripada pembekal Aliff.

Apakah dokumen urusan niaga yang terlibat?

- A Resit
- B Memo
- C Bil tunai
- D Invois

37 Maklumat berikut berkaitan dengan kaedah promosi.

Maklumat produk disampaikan secara bersemuka antara jurujual dengan bakal pelanggan.

Apakah kaedah promosi tersebut?

- A Promosi jualan
- B Jualan langsung
- C Pengiklanan
- D Publisiti

38 Apakah campuran pemasaran bagi perniagaan yang membuat penetapan nilai terhadap perkhidmatannya?

- A Harga
- B Produk
- C Agihan
- D Promosi

39 Antara yang berikut, yang manakah kepentingan menyediakan rancangan perniagaan?

- I Memastikan imej syarikat meningkat
- II Meyakinkan pihak pelabur atau bank
- III Merancang keperluan sumber perniagaan
- IV Membantu usahawan mengembangkan perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

40 Pernyataan yang manakah merupakan maklumat dalam rancangan operasi?

- A Bentuk insentif pekerja
- B Campuran pemasaran perniagaan
- C Carta organisasi perniagaan
- D Carta alir proses

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT